

Analisis Teks Novel Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu *Dari Lembah ke Puncak* berdasarkan Gagasan Persuratan Baru

Muhammad Zarif Hassan@Zulkifli*, Mohd. Zariat Abdul Rani, Salmah Jan Noor Muhammad & Ab. Halim Mohamad

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini bertitik tolak daripada perbezaan dua khutub pandangan yang berbeza mengenai kualiti kandungan novel *Dari Lembah ke Puncak* (*DLkP*) yang merupakan salah satu daripada teks novel mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Di satu pihak, novel *DLkP* dianggap mengandungi “ilmu”, manakala di satu pihak yang lain adalah sebaliknya. Kesenjangan dua pandangan ini merupakan suatu permasalahan yang wajar dirungkai. Kajian ini menetapkan dua objektif utama iaitu menganalisis kandungan dan merumuskan kedudukan “ilmu” dalam novel *DLkP* berdasarkan *Gagasan Persuratan Baru*. Kajian ini menggunakan analisis teks (textual analysis) sebagai metodologi kajian dengan menerapkan *Gagasan Persuratan Baru* sebagai kerangka bacaan. Hasil dapatan kajian ini mengenal pasti bahawa keseluruhan penceritaan novel *DLkP* dibangunkan berasaskan “cerita” (“Isian Cerita”) semata-mata dan bukannya “ilmu” (“Isian Wacana”). Oleh itu, pengkaji mengesyorkan agar PB wajar dijadikan sebagai kerangka bacaan alternatif dalam meneliti karya sastera yang dipilih sebagai teks mata pelajaran Kesusasteraan Melayu, khusus bagi mengenal pasti kedudukan “ilmu” dalam sesebuah karya sastera.

Kata Kunci: Gagasan Persuratan Baru, Ilmu, Cerita, Paksi Naratif, Ruang Naratif, Isian Cerita, Isian Wacana

ABSTRACT

This study is based on the difference between two different points of view on the content quality of the novel *Dari Lembah ke Puncak* (*DLkP*) which is one of the Malay Literature novel texts. On the one hand, *DLkP* novels are considered to contain “knowledge”, while on the other hand it is the opposite. The gap between these two views is a problem that should be resolved. This study sets two main objectives, which are to analyze the content and formulate the position of “knowledge” in the *DLkP* novel based on Genuine Literature. This study uses textual analysis as a research methodology by applying Genuine Literature as a reading framework. The findings of this study identify that the entire narration of *DLkP* novels is developed based on “story” (“Narrative Content”) solely and not “knowledge” (“Discourse Content”). Therefore, the researcher recommends that PB should be used as an alternative reading framework in examining literary works selected as Malay Literature subject texts, specifically to identify the position of “knowledge” in a literary work.

Keywords: Genuine Literature, Knowledge, Story, Narrative Axis, Naratif Space, Discourse Content, Narrative Content

PENGENALAN

Novel *Dari Lembah ke Puncak* (*DLkP*) merupakan salah sebuah teks novel mata pelajaran Kesusasteraan Melayu (KM) di peringkat pendidikan menengah di Malaysia. Novel *DLkP* merupakan hasil karya seorang sarjana dan penulis kreatif tempatan, iaitu Ghazali Lateh. Novel ini telah diterbitkan lebih awal di bawah penerbitan Cerdik Publications Sdn. Bhd. pada tahun 2005. Novel *DLkP* tidak pernah mendapat pengiktirafan daripada mana-mana pihak. Ghazali Lateh yang berpengalaman sebagai guru dan pensyarah, serta telah menghasilkan banyak karya kreatif dan berjaya memenangi beberapa anugerah pertandingan penulisan menjadi antara faktor yang menyumbang kepada pemilihan *DLkP* sebagai teks novel mata pelajaran KM. Hal ini bukanlah menghairankan kerana salah satu daripada kriteria yang ditetapkan oleh Bahagian Perkembangan Kurikulum dalam memilih teks ialah pengarang yang mapan (Syarifah Maimunah Mohd. Zain, 2000).

*Corresponding author: muzahali@gmail.com

eISSN: 2462-2079 © Universiti Putra Malaysia Press

Sesuai dengan statusnya sebagai teks novel mata pelajaran KM, *DLkP* telah dipilih melalui suatu proses saringan serta penilaian yang rapi dan teliti selaras dengan piawaian yang ditetapkan oleh KPM. Langkah serius ini disusuli pula dengan proses penyuntingan semula kandungan novel *DLkP* yang asal oleh pihak KPM. Hasilnya, pada tahun 2009, novel *DLkP* versi Edisi Murid telah diterbitkan dan secara rasmi digunakan sebagai teks mata pelajaran KM. Lebih penting lagi, novel *DLkP* Edisi Murid yang telah disunting rapi ini diperakukan oleh KPM mempunyai “kualiti”, sebagaimana yang dapat dilihat dalam kenyataan bekas Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia pada waktu itu, iaitu Tan Sri Dato; Haji Alimuddin Haji Mohd Dom seperti berikut:

Novel *Kesusasteraan Melayu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)* telah melalui proses perakukan pada peringkat Kementerian Pelajaran demi menjaga kualiti novel [*DLkP*]... Novel [*DLkP*] ini telah dipilih dengan teliti supaya dapat memenuhi matlamat pendidikan *Kesusasteraan Melayu*, iaitu membolehkan murid-murid menjawai nilai-nilai murni dari segi kerohanian, kemanusiaan, kemasyarakatan, kebudayaan dan kewarganegaraan. Novel ini merupakan satu wadah penulisan yang mengandungi fakta, pengetahuan dan maklumat lain yang diperlukan dalam mata pelajaran *Kesusasteraan Melayu* dengan tujuan untuk pembangunan diri dan pembentukan minda setiap murid. Oleh itu, novel ini telah diubah suai daripada karya asal dan disesuaikan menjadi bahan untuk Edisi Murid... Pengajaran dan pembelajaran *kesusasteraan* dapat menyokong teras pembentukan individu, terutama dari segi pemupukan ilmu, kemahiran dan nilai yang berkaitan dengan aspek intelek dan emosi. Penerapan elemen-elemen [ilmu, kemahiran, dan nilai] ini dalam karya sastera terpilih mampu menjadikan murid seorang insan yang berfikir tentang kebaikan, kebenaran, kehalusan budi pekerti, kesantunan bahasa, kecekalan hati, keindahan seni, dan seterusnya menghargai kehidupan dan nilai kemanusiaan [Garisan ditambah].

(Ghazali Lateh, 2009: v-vi)

Berdasarkan kenyataan di atas, KPM secara jelas memperakukan bahawa *DLkP* sebagai sebuah teks novel yang berkualiti. Yang dimaksudkan dengan kualiti disini merujuk kepada kandungannya yang berteraskan kepada “ilmu” bagi tujuan pembentukan minda dan pembangunan diri murid-murid. Lebih penting lagi, penerapan “ilmu” dalam *DLkP* ini dianggap mampu mendorong murid-murid untuk menghayati konsep-konsep “kebaikan, kebenaran, kehalusan budi pekerti, kesantunan bahasa, kecekalan hati, keindahan seni, dan seterusnya menghargai kehidupan dan nilai kemanusiaan” (ungkapan KPM). Ini bermakna kesemua konsep-konsep penting terdapat dalam novel *DLkP*. Pada tahap ini, dapat disimpulkan bahawa “ilmu” menjadi teras kepada kandungan *DLkP*, yang sekali gus membolehkan novel ini dipilih sebagai teks novel mata pelajaran KM.

Permasalahan Kajian

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, pemilihan *DLkP* sebagai teks novel mata pelajaran KM telah melalui suatu penelitian yang rapi dan KPM memperakukan bahawa *DLkP* merupakan teks novel yang berkualiti. Lebih penting lagi, novel *DLkP* diperakukan mengandungi “ilmu” yang dapat memberi banyak manfaat kepada pembaca, khususnya murid-murid yang mengambil mata pelajaran KM.

Walau bagaimanapun, soal kualiti kandungan teks novel mata pelajaran KM yang dipilih oleh KPM seringkali menarik perhatian sarjana sastera untuk membahaskan mengenainya. Dalam konteks ini, Mohd. Affandi Hassan (2008) mengkritik kualiti kandungan novel yang dipilih sebagai teks mata pelajaran KM kerana kandungannya bukan sahaja tidak mengarah kepada aspek pemikiran, sebaliknya berasaskan kepada kekeliruan konsep “ilmu”. Malah, kandungan novel yang dipilih sebagai teks mata pelajaran KM juga mengandungi pengajaran yang negatif (Mohd. Affandi Hassan, 1992).

Pada tahap ini, dapat dilihat wujudnya pertembungan dua khutub pandangan yang berbeza dan saling berbeza berkaitan kualiti kandungan novel *DLkP*, khususnya dalam konteks “ilmu”. Kesenjangan dakwaan KPM dengan sarjana sastera ini merupakan suatu permasalahan yang wajar untuk diberi perhatian, sekali gus mewajarkan kajian ini dijalankan. Kajian ini penting untuk dilaksanakan bagi mengenal pasti kesahihan pandangan dan kenyataan antara dua pihak tersebut.

Persoalan Kajian

Berlandaskan permasalahan kajian yang dibincangkan di atas, timbul beberapa persoalan yang wajar diberikan perhatian, antaranya:

1. Apakah isian yang mendasari kandungan novel *DLkP*?
2. Adakah “ilmu” menjadi asas kepada kandungan novel *DLkP*?

Objektif Kajian

Bertitik tolak daripada Permasalahan dan Persoalan Kajian yang dibangkitkan di atas, kajian menggariskan dua objektif:

1. Menganalisis kandungan novel *DLkP* berdasarkan *Gagasan Persuratan Baru*;
2. Merumuskan kedudukan “ilmu” dalam novel *DLkP* berdasarkan *Gagasan Persuratan Baru*.

METODOLOGI KAJIAN

Berdasarkan Permasalahan dan Objektif Kajian yang dijelaskan di atas, kajian ini memilih Pendekatan Analisis Teks (Textual Analysis Approach) yang merupakan salah satu daripada metodologi yang dominan dalam bidang kemanusiaan (humanities), khususnya kesusastraan. Pemilihan pendekatan dilihat bertepatan kerana bahan kajian yang difokuskan adalah teks novel mata pelajaran KM. Penerapan pendekatan analisis teks ini, dengan sendirinya menuntut kepada penerapan satu kerangka bacaan bagi menganalisis teks-teks yang dikaji. Dalam konteks ini, kerangka bacaan yang dipilih ialah Gagasan Persuratan Baru (PB) yang merupakan satu kerangka bacaan yang telah sedia diterapkan dalam pengkajian kesusastraan Melayu. Sebagai suatu kerangka bacaan, PB merupakan suatu gagasan yang memberi penekanan yang cukup penting terhadap kedudukan ilmu dalam karya sastra. Oleh itu, pemilihan PB sebagai kerangka bacaan bertepatan memandangkan “ilmu” menjadi subjek perbahasan dalam permasalahan kajian yang telah dijelaskan. Selain itu, PB dilengkapi dengan alat-alat analisis (analytical tools) bagi membolehkan bahan kajian iaitu novel DLkP dianalisis secara sistematik. Dalam konteks inilah, PB menawarkan alat-alat analisis seperti “Paksi Naratif”, “Ruang Naratif”, “Isian Cerita”, dan “Isian Wacana” yang akan dibahaskan nanti. Dari segi penganalisisan, kajian ini menerapkan teknik bacaan rapi (close reading). Melalui pembacaan rapi, setiap idea kecil dan besar diteliti serta keseluruhan kata-kata dihubungkaitkan secara signifikan dengan bahagian-bahagian yang lain (Culler, 1975) bagi memperolehi makna keseluruhannya.

Gagasan Persuratan Baru

Gagasan Persuratan Baru (PB) merupakan gagasan yang dicetuskan oleh Mohd. Affandi Hassan yang memberi penekanannya terhadap ilmu, pemikiran, dan nilai-nilai yang luhur berasaskan pandangan alam Islam dalam karya-karya sastra. Sebagai gagasan yang komprehensif, PB merangkumi aspek falsafah dan praktis. Walau bagaimanapun, dalam konteks kajian, perbincangan mengenai PB tidak akan dilakukan secara terperinci dan fokus diberikan kepada beberapa aspek penting sahaja. Ini kerana korpus kesarjanaan mengenai PB yang sedia ada sudah meluas oleh pengagas dan pengamalnya (Mohd. Affandi Hassan 2010, 2008, 1992; Ungku Maimunah Mohd. Tahir 2010a, 2010b, 2009, 2007; Mohd. Zariat Abdul Rani 2010, 2004). Tambahan pula, penjelasan mengenai PB dapat diperolehi melalui laman blog (<http://www.pbaru.blogspot.com/>) yang dikendalikan oleh Mohd. Affandi Hassan sendiri.

Dari sudut falsafah, PB ditunjangi oleh pandangan hidup Islam yang berasaskan ajaran Tauhid yang bersumberkan Al-Qur’ān dan Sunah, iaitu dua sumber ilmu wahyu yang diperakukan dalam tradisi keilmuan Islam sebagai sumber ilmu yang paling berautoritatif. Berdasarkan pandangan hidup Islam ini, PB melakarkan falsafah Hakikat Insan yang bertujuan untuk meletakkan golongan sasterawan dalam konteksnya yang tepat mengikut pandangan hidup Islam. Dalam konteks tersebut, sasterawan menurut pandangan hidup Islam dipertanggungjawabkan dengan tugas untuk menyampaikan ilmu melalui karya-karya sastra yang mereka hasilkan. Dalam konteks inilah, PB melakarkan falsafah Hakikat Ilmu dan Amal bagi menjelaskan tentang pengertian ilmu terutamanya tingkat-tingkat kedudukannya menurut pandangan hidup Islam, serta kaitannya dengan amal perbuatan manusia, dalam konteks kajian ini ialah kegiatan penulisan karya sastra. Bagi memperjelaskan lagi konteks yang terakhir itu, PB melakarkan falsafah Hakikat dan Fungsi Sastera bagi menjelaskan tentang kedudukan dan peranan sasterawan sebagai manusia yang dianggap memiliki kemahiran berbahasa serta bakat penulisan yang tinggi, yang dipertanggungjawabkan dengan tugas untuk menyampaikan ilmu, selain menyeru kepada kebenaran dan kebaikan, mencegah kepada kemungkaran.

Terkait dalam soal ilmu, PB menggariskan prinsip dan kefahaman yang penting perbezaan antara ilmu dengan cerita. Yang dimaksudkan ilmu dalam PB merujuk kepada bukanlah semata-mata ilham, akan tetapi merupakan “idea atau hujah intelektual yang dibangunkan secara ilmiah dengan penghuraian dan hujah yang mantap”, manakala cerita pula merujuk kepada “kehadiran dan penggembangan alat-alat penceritaan seperti watak, plot, konflik, latar dan sebagainya” (Mohd. Zariat Abdul Rani, 2010: 400-401). Oleh itu, dalam PB, ilmu menduduki martabat lebih tinggi berbanding cerita dan ilmu menjadi penentu yang mencorakkan cerita, dan bukan sebaliknya. Ini bermakna, dalam sesuatu karya kreatif (setepatnya karya persuratan), ilmu mempengaruhi soal pemilihan alat-alat penceritaan yang sesuai untuk menyerlahkan idea atau hujah sejelas mungkin. Pilihan bertunjangkan ilmu inilah yang dimaksudkan oleh PB sebagai *epistemic choice* (Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 2012).

Bagi merealisasikan keutamaan ilmu berbanding cerita, PB menekankan penjanaan wacana dalam karya kreatif. Amalan kewacanaan dalam PB merangkumi “perbincangan, kupasan, huraian, penjelasan, ulasan, keterangan, bahasan, pembuktian, pengukuhan, sanggahan dan amalan-amalan seumpamanya, yang semuanya menawarkan kemungkinan yang cukup luas untuk urusan pembentukan ilmu, idea, pemikiran yang utuh dan jitu” (Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 2012). Pemahaman ini menjadikan wacana itu bukanlah sekadar fakta atau maklumat yang mentah dan dimasukkan ditempelkan di dalam karya, sebaliknya merupakan pemikiran yang terbit dari sejumlah maklumat yang telah disaring sehingga menjadi hujah-hujah ilmiah sehingga menjelaskan sesuatu persoalan atau permasalahan sehingga sampai kepada rumusan atau kesimpulan tertentu (Mohd. Affandi Hassan, 2004).

Berteraskan pemahaman falsafah PB seperti yang telah dijelaskan, PB turut menawarkan alat-alat analisis yang mempunyai dwi-fungsi pada tahap praktikal iaitu untuk tujuan analisis teks dan pengkaryaan. Dalam konteks kajian ini, alat-alat analisis ini diterapkan sebagai alat analisis (*analytical tools*) teks kajian adalah seperti berikut:

- (1) Menurut PB, “Paksi Naratif” ialah idea dasar atau idea utama yang menunjang sesuatu cerita secara keseluruhannya. “Paksi Naratif” juga merupakan pendirian utama yang menyerahkan pandangan, tanggapan, dan kecenderungan sesuatu teks seperti novel dalam mengutarakan sesuatu idea atau persoalan dalam keseluruhan cerita. Strategi pengembangan cerita dalam sesebuah karya sastera seperti novel dipengaruhi oleh “Paksi Naratif” (Mohd. Zariat Abdul Rani, 2008: 325). Selain itu, “Paksi Naratif” dalam sesebuah karya kreatif seperti novel dapat dikenal pasti antaranya menerusi pengakuan novelis sendiri mengenai idea yang cuba disampaikan dalam hasil tulisannya, kenyataan daripada sarjana, pengkaji, dan pengkritik, dan rangsang sari (*blurb*) pada bahagian kulit novel.
- (2) Menurut PB, “Ruang Naratif” ialah “ruang yang terbentuk antara bahagian permulaan cerita dengan bahagian pengakhiran cerita”. “Ruang Naratif” boleh diisi sama ada dengan “Isian Cerita” atau “Isian Wacana” (Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 2007: 65). Dalam erti kata lain, cerita dalam sesebuah teks sastera seperti novel dapat dianggap sebagai suatu ruang yang mempunyai batas sempadan permulaan dan pengakhirannya, dan ruang ini berupaya dipenuhi dengan isian-isian tertentu bergantung sepenuhnya kepada matlamat penulisan. Ini bermakna, “Ruang Naratif” sesebuah novel bebas untuk dimanipulasi oleh penulis untuk dipenuhi sama ada dengan “Isian Cerita” yang matlamat utamanya adalah semata-mata untuk menyampaikan “cerita”, atau sebaliknya, diisi dengan “Isian Wacana” untuk menyampaikan “ilmu”. Berdasarkan pemahaman inilah, soal keutamaan atau kecenderungan dalam sesebuah teks sastera seperti novel terhadap “cerita” atau “ilmu” dapat dikenal pasti dengan lebih jelas dan tepat.
- (3) Menurut PB, “Isian Wacana” ialah idea pengarang yang terbina daripada hujah intelektual pengarang yang dibangunkan secara ilmiah menerusi huraian dan penghujahan yang mantap (Mohd. Zariat Abdul Rani, 2010: 401). Idea pengarang ini diberikan penghujahan ilmiah melalui analisis, pengukuhan dan pembuktian hujah yang disokong oleh dalil atau contoh yang diakhiri menjadi suatu rumusan yang lengkap. Penghujahan ilmiah yang sedemikian membina apa yang diungkapkan oleh PB sebagai “Isian Wacana”. Dalam konteks pengisian “Ruang Naratif”, “Isian Wacana” menjadi salah satu daripada bentuk yang boleh mengisi sesebuah novel. Sesebuah novel itu boleh menghadirkan idea dalam bentuk hujah ilmiah yang hadir pada tempat-tempat tertentu sepanjang “Ruang Naratif” novel.
- (4) Menurut PB, “Isian Cerita” ialah cerita yang dibina melalui manipulasi alat-alat penceritaan seperti watak dan perwatakan dan plot. Dalam pembinaan cerita, aspek Watak merujuk kepada “pelaku atau tokoh rekaan yang memegang peranan dalam cereka”, manakala aspek Plot pula merujuk kepada susunan peristiwa-peristiwa dalam sebuah cerita bagi karya-karya sastera berbentuk cereka.” (Hashim Awang, 1987: 75, 96). Alat-alat penceritaan ini dimanipulasi dengan matlamat mencetus, mengembang dan mengekalkan perjalanan cerita dari awal sehingga akhir novel (Mohd. Zariat Abdul Rani, 2010: 401). Manipulasi yang sedemikian inilah yang dirujuk sebagai “Isian Cerita”. Dalam konteks “Ruang Naratif”, “Isian Cerita” menjadi salah satu bentuk isian yang boleh mengisi sesebuah novel. Dengan kata lain, sesebuah novel diisi dengan cerita yang terbina daripada manipulasi alat-alat penceritaan yang diantaranya boleh juga diisi dengan “Isian Wacana”, iaitu idea atau hujah intelek oleh pengarang.

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Bagi menganalisis novel *DLkP*, kajian ini menerapkan alat-alat analisis PB, iaitu “Paksi Naratif”, “Ruang Naratif”, “Isian Wacana”, dan “Isian Cerita”. Penerapan ini bagi membolehkan kajian ini untuk merealisasikan Objektif Kajian, iaitu menganalisis kandungan teks novel *DLkP* dan merumuskan kedudukan “ilmu” dalam novel *DLkP*.

“Paksi Naratif” Novel Dari Lembah ke Puncak

Dalam mengenal pasti “Paksi Naratif” *DLkP*, analisis ini dimulai dengan meneliti terlebih dahulu beberapa pandangan pengkaji lepas, antaranya Ab. Aziz Omar (2011) yang beranggapan bahawa *DLkP* bertemakan tentang kegigihan seorang anak muda kampung yang berhadapan pelbagai rintangan dan akhirnya berjaya mengecapi kejayaan hidup, seperti katanya berikut: “Novel *Dari Lembah ke Puncak* karya Ghazali Lateh bertemakan kegigihan seorang anak muda dari kampung yang menghadapi pelbagai cabaran dalam hidup, tetapi akhirnya berjaya.” Tanggapan Ab. Aziz Omar ini menegaskan dua perkara penting yang menunjang keseluruhan penceritaan *DLkP*, iaitu “kegigihan” dan “cabaran”. Dua perkara ini turut diperakukan Md. Ishak A. Rahman dalam tulisan bersama dengan Ghazali Lateh (2014) yang memperakukan bahawa soal “kegigihan” dan “cabaran” memang merupakan idea utama atau tema novel *DLkP*. Dalam menghuraikan hal ini, Md. Ishak A. Rahman & Ghazali Lateh (2014: 136) menyatakan bahawa “kegigihan” dan “cabaran” dalam *DLkP* sebenarnya berkisar tentang usaha seorang anak muda untuk menunaikan hasrat arwah bapanya berkaitan urusan pemilikan tanah, seperti yang dapat dilihat dalam kenyataan berikut: “Novel *Dari Lembah ke Puncak* bertemakan *kegigihan* seorang remaja menempuh *cabaran* dan dugaan untuk menunaikan amanat arwah bapanya bagi menebus hak milik tanah mereka” [huruf condong ditambah].

Analisis ini mendapati bahawa pandangan-pandangan di atas tidak bertentangan dengan impian utama penghasilan *DLkP* yang dijelaskan oleh novelisnya sendiri, Ghazali Lateh. Dalam satu tulisannya sendiri (dalam blog), Ghazali Lateh (2007) masih mengkalkan pandangan yang sama, iaitu *DLkP* adalah bertemakan “perjuangan” seorang anak dalam menghadapi “cabaran” hidup, sebagaimana yang dijelaskannya berikut:

Novel [*Dari Lembah Ke Puncak*] ini mengisahkan perjuangan seorang anak muda menuntut kembali hak milik yang telah dijual oleh ibunya... Perjuangan tersebut sangat mencabar kerana terpaksa menggadaikan usia mudanya demi mengumpul sumber selama berbelas-belas tahun sebelum berjaya menebus kembali maruah dan hak milik yang tergadai. [Garisan ditambah].

Berdasarkan kenyataan Ghazali Lateh di atas, terdapat beberapa perkara penting yang perlu diberikan perhatian. Pertama, Ghazali memperakui bahawa idea utama cerita *DLkP* ialah “perjuangan seorang anak” (ungkapan novelis) untuk menebus kembali hak milik tanah yang tergadai. Kedua, kenyataan Ghazali yang melihat “perjuangan” watak anak tersebut “sangat mencabar” (ungkapan novelis) sehingga mengambil tempoh masa yang panjang untuk diharungi. Dalam erti kata lain, “cabaran” yang dihadirkan dalam “Ruang Naratif” *DLkP* dikatakan begitu tebal dan kompleks, atau dapat juga difahami sebagai “cabaran sukar lagi berliku”.

Penting dijelaskan bahawa analisis ini sama sekali tidak menolak bahawa soal “perjuangan” seorang anak yang berhadapan dengan “cabaran” yang sukar seperti yang dibangkitkan oleh pengkaji lepas termasuk novelisnya menjadi antara idea penting *DLkP*. Ransang sari atau *blurb* *DLkP* Edisi Murid dilihat lebih menonjolkan soal “cabaran” yang begitu berliku yang dilalui oleh watak seorang anak ini sehingga mengalami kesengsaraan hidup, seperti yang dapat dilihat pada kutipan berikut: “Selamat tinggal kampungku yang telah banyak mengajarku erti sebuah kehidupan. Selamat tinggal *penderitaan yang begitu akrab menemaniku saban waktu*.” [huruf condong ditambah]. Pada petikan *blurb* ini, dapat dilihat bagaimana soal “cabaran” ditonjolkan sebagai inti cerita. Malah, jika diamati secara mendalam, soal “cabaran” juga secara simbolik menayangkan pemahaman tentang perjuangan individu yang terpaksa menempuh pelbagai cabaran serta rintangan seseorang dalam kehidupan. Seperti yang telah diperakukan sendiri oleh novelisnya, soal usaha seorang anak yang berhadapan dengan cabaran kompleks ini dikaitkan dengan suatu impian utamanya, iaitu menebus semula tanah yang telah tergadai. Dalam mengenal pasti “Paksi Naratif” *DLkP*, penting untuk analisis ini mengamati perjalanan cerita secara keseluruhannya terutamanya unsur-unsur yang tertonjol, kesan daripada penggembangan alat-alat penceritaan seperti aspek Watak dan aspek Plot. Pada tahap ini, memadai dijelaskan bahawa analisis terhadap perkembangan cerita selanjutnya, mendapati bahawa soal “perjuangan” ini dikatakan menjadi tema novel, kemudiannya didapati lebih menonjolkan soal “keghairahan” watak protagonis dalam memburu impiannya iaitu menebus sekeping tanah yang telah tergadai. “Kehairahan” ini tertonjol daripada beberapa tindakan protagonis yang dilihat lebih memaparkan nilai materialistik termasuk cenderung berpegang kepada prinsip “impian menghalalkan cara” (*end justifies the mean*), sebagaimana yang akan dihujahkan nanti. Pada tahap ini, memadai dijelaskan bahawa, analisis ini mengenal pasti “keghairahan mengejar impian” sebagai “Paksi Naratif” *DLkP*.

“Ruang Naratif” Novel Dari Lembah ke Puncak

Tumpuan analisis kini beralih kepada aspek “Ruang Naratif” *DLkP*. Berteraskan “Paksi Naratif”nya iaitu “keghairahan mengejar impian”, *DLkP* membentuk “Ruang Naratif” yang bermula dengan impian seorang seorang anak (Jalil) untuk menebus kembali sebidang tanah sawah yang telah dijual oleh ibunya, dan berakhir dengan kejayaan Jalil mencapai impiannya iaitu menebus tanah sawah. Dengan sempadan cerita ini, “Ruang

Naratif” *DLkP* diisi dengan cerita-cerita tentang punca tanah sawah tergadai, keghairahan Jalil dalam mencapai impiannya, dan akhirnya kejayaannya dalam menebus semula tanah sawah yang tergadai itu.

“Isian Cerita” Novel Dari Lembah ke Puncak

Analisis ini mengenal pasti “Isian Cerita” sebagai satu-satunya isian yang mengisi “Ruang Naratif” *DLkP*. Dalam erti kata lain, “Ruang Naratif” *DLkP* tidak diisi dengan “Isian Wacana”, sebagaimana yang akan diperlihatkan dalam analisis seterusnya. Pengisian “Ruang Naratif” *DLkP* bermula dengan cerita Jalil yang hidup dalam serba daif dan miskin, telah diminta oleh arwah bapanya untuk mendapatkan geran bagi sebidang tanah sawah yang menjadi tapak tempat tinggal Jalil dan ibunya. Permintaan ayahnya ini kemudian diceritakan menjadi satu impian hidup yang dikehendaki oleh Jalil. Dalam keghairahan ini, Jalil menghadapi satu demi satu cabaran yang diceritakan mampu ditanganinya dengan perwatakan dirinya seperti akan diperlihatkan dalam analisis seterusnya.

Manipulasi Aspek Watak

Sejak jauh dengan usaha mengejarkan “Paksi Naratif” dalam “Ruang Naratif”nya, *DLkP* telah menggembung beberapa alat penceritaan, dan yang paling signifikan ialah aspek Watak. Dalam hal ini, analisis ini mengenal pasti strategi novel yang mengisi “Ruang Naratif”nya dengan watak protagonisnya bernama Jalil. Sebagai protagonis, analisis ini mengesahkan strategi novel yang membina watak Jalil dengan menonjolkannya sebagai “wira yang besar” yang bakal menebus hak milik tanah yang telah digadai ibunya (Ghazali Lateh, 2009: 297). Bagi mencapai impian itu, novel mengisi dalam “Ruang Naratif”nya dengan perwatakan Jalil yang materialistik, iaitu individu yang mengutamakan kebendaan. Perwatakan ini dapat dilihat menerusi cerita yang menyerlahkan betapa Jalil sangat mencintai tanah sawah (material) yang telah tergadai itu, dan sedia berbuat apa sahaja untuk mendapatkannya. Tidak dinafikan bahawa faktor nostalgia memainkan peranan dalam memupuk sifat materialistik Jalil ini. Umpamanya Jalil diceritakan terlalu ingin menebus tanah sawah tersebut kerana banyak kenangan yang melibatkan dia dengan arwah bapanya. Faktor nostalgia ini juga didapati telah menyumbang dalam mendorong Jalil menjadi seorang yang materialistik sehingga adakalanya bersikap tamak. Umpamanya, Jalil pernah memajakkan sawah padi yang ditanam di atas tanah Pak Amat tanpa pengetahuan Pak Amat yang merupakan pemilik tanah itu. Moral perbuatan Jalil ini mengundang pertikaian kerana tanah itu pada ketika itu masih milik Pak Amat, sebelum berjaya ditebus oleh Jalil. Analisis ini berpendapat bahawa perbuatan Jalil yang menimbulkan persoalan moral ini adalah didorong oleh keinginannya yang keterlaluan untuk mengumpul wang bagi menebus tanah tersebut.

Didorong oleh sikap materialistik kesan daripada cinta yang mendalam pada tanah tersebut, analisis ini mengenal pasti strategi novel yang menghadirkan watak Jalil dalam “Ruang Naratif”nya dengan sifat “berani”, dan sekali gus bercita-cita tinggi (*ambitious*). Gabungan dua sikap ini yang menjadi teras perwatakan Jalil ditonjolkan secara ketara melalui cerita-cerita yang mengisi “Ruang Naratif” novel selepas peristiwa tentang tanah sawah dijual oleh ibu Jalil kepada Pak Amat. Analisis ini mendapati bahawa selepas peristiwa tersebut, “Ruang Naratif” novel diisi dengan cerita-cerita yang menyerlahkan perwatakan Jalil yang digambarkan rela melakukan apa sahaja dan menentang sesiapa sahaja, demi mempertahankan tanah peninggalan tersebut, sebagaimana yang dapat dilihat dalam beberapa petikan novel di bawah:

...dia tetap bertekad untuk mempertahankan rumah dan tanah itu dengan apa cara sekalipun... dalam keadaan seperti itu biarlah dia tak bersekolah asalkan tanah itu tidak tergadai begitu sahaja. Dia yakin dengan tanah itu dia boleh hidup... [Garisan ditambah].
(Ghazali Lateh, 2009: 28)

Kini, dia sudah bertekad. Walaupun apa yang terjadi dia perlu mempertahankan tanah itu. Jika arwah bapanya sanggup berparang untuk mempertahankan haknya, mengapa tidak dia?... Dia akan menempuh segala rintangan... [Garisan ditambah].
(Ghazali Lateh, 2009: 40)

Dia akan berhadapan dengan sesiapa sahaja yang mahu menidakkannya ke atas tanah itu [Garisan ditambah].
(Ghazali Lateh, 2009: 41)

Lanjutan itu, analisis ini juga mengenal pasti bahawa perwatakan Jalil yang sedia melakukan apa sahaja demi mencapai impiannya itu, turut dimanipulasi oleh novel untuk menghadirkan peristiwa bagaimana protagonis membantah permintaan ibunya yang meminta dia turut sama (dengan ibunya) berpindah ke rumah baharu. Tindakan Jalil ini dapat menimbulkan persoalan tentang moralnya sebagai seorang anak yang baik. Keengganahan Jalil menurut kemahuan ibunya ini diceritakan telah menyinggung perasaan ibunya yang meskipun tidak

dizahirkan secara eksplisit, namun dapat dirasai apabila ibunya masih berharap agar Jalil mentaatinya, sebagaimana yang dapat dilihat dalam petikan novel berikut:

Memang jika diberi pilihan begitu, dia tidak akan berpindah dari tanah tumpah darahnya. Biarlah ibunya sahaja yang akan berpindah. Hari itu Jalil berkonflik besar dengan ibunya. Ibunya berkeras untuk berpindah. Jalil pula berkeras tidak mahu berpindah. Konflik dua beranak itu berlarutan. Akhirnya, Mak Teh membuat keputusan meninggalkan Jalil seorang diri. Harapannya Jalil akan mengalah dan mengikutinya kemudian. [Garisan ditambah].

(Ghazali Lateh, 2009: 27-28)

Pada perkembangan cerita yang selanjutnya, analisis ini mendapati bahawa novel memilih untuk mengekalkan Jalil dengan pendiriannya yang bertentangan dengan permintaan ibunya itu. Jalil diceritakan terus menolak mentah-mentah pujuhan ibunya agar tinggal berpindah dan tinggal bersamanya hanya kerana keghairahannya untuk menebus tanah sawah (material), seperti yang digambarkan novel seperti berikut:

Semasa Jalil melawatnya, Mak teh sentiasa memujuk agar Jalil berpindah dan tinggal di Guar Chempedak, sementara menantikan rumah baru itu siap sepenuhnya. Tetapi, Jalil keberatan. Kecintaan terhadap [tanah di] kampung pusaka itu susah untuk dihakim... Jalil kasihan melihat ibunya [Garisan ditambah].

(Ghazali Lateh, 2009: 169)

Adalah jelas bahawa dengan mengekalkan pendirian Jalil yang engkar terhadap permintaan ibunya seperti yang diceritakan di atas, novel dengan sendirinya memperkuatkan persepsi negatif yang sudah sedia terbina berkenaan moral watak protagonis itu. Daripada episod ini, adalah jelas bahawa Jalil hadir dalam “Ruang Naratif” *DLkP* sebagai watak seorang anak yang degil, keras kepala, dan tidak mempunyai perasaan belas ehsan kepada ibunya. Dan terpamernya sifat-sifat ini jelas berkait rapat dengan “Paksi Naratif” novel, iaitu “keghairahan mengejar impian”.

Seterusnya, dengan perwatakan Jalil yang telah dikenal pasti di atas, novel kemudiannya mengisi “Ruang Naratif”nya dengan cerita-cerita mengenai halangan demi halangan yang dihadapi oleh Jalil bagi mencapai impianya menebus tanah sawah. Analisis ini mendapati bahawa cerita tentang halangan-halangan ini diketengahkan melalui dua latar tempat dan masa yang berbeza. Pertama, latar kampung dan masa (ketika) Jalil sedang belajar di sekolah. Dengan latar ini, novel mengisi “Ruang Naratif”nya dengan cerita-cerita tentang *survival* Jalil dalam menghadapi halangan demi halangan, termasuk ketika dia tinggal bersendirian di pondok kerana tidak mahu berpindah bersama ibunya di rumah baharu. Kedua, latar kota dan masa (ketika) Jalil sudah bekerja. Dalam latar ini, novel mengisi “Ruang Naratif”nya dengan cerita-cerita tentang keghairahan Jalil mengumpul kekayaan ketika hidup di Kuala Lumpur.

Dalam latar tempat dan masa yang pertama, “Ruang Naratif” *DLkP* antaranya diisi dengan cerita bagaimana Jalil mengikat janji dengan Pak Amat untuk membeli semula tanah sawah yang tergadai itu melalui suatu harga dan tempoh waktu tertentu (Ghazali Lateh, 2009: 43-45). Dalam peristiwa ini, Pak Amat diceritakan memberi izin kepada Jalil untuk tinggal di tanah tersebut sehingga ke suatu masa yang dipersetujui. Daripada peristiwa ini, “Ruang Naratif” *DLkP* kemudiannya diisi dengan pelbagai cerita mengenai *survival* protagonis yang tinggal sendirian dalam pondok di tanah sawah tersebut, terutamanya dalam menghadapi cemuhan penduduk kampung yang ada antaranya dengan alasan-alasan tertentu melihat tindakan tinggal di pondok itu sebagai satu ancaman kepada mereka, seperti yang akan diperincikan di bawah nanti (Ghazali Lateh, 2009: 27-190). Dalam konteks ini, watak Jalil berupaya ditampilkan sebagai sebagai seorang remaja yang mula menanam sifat individualistik dan materialistik, termasuk pada satu tahap mengambil pendirian “impian menghalalkan cara” (*end justifies the mean*). Sifat-sifat negatif Jalil ini jelas antaranya pada cerita tentang dia berkeras tidak mahu berpindah ke rumah baharu dengan ibu dan rela tinggal sendirian dalam sebuah pondok di tepi sawah, dan cerita tentang tindakan Jalil memajak sawah padi di atas tanah Pak Amat yang diwajarkan atas niatnya untuk menampung perjalanan ke Kuala Lumpur bagi menggumpul harta untuk akhirnya menebus tanah sawah tersebut (Ghazali Lateh, 2009: 174). Penting untuk dijelaskan bahawa pengisian “Ruang Naratif” *DLkP* dengan watak protagonis yang dibina dengan perwatakan-perwatakan sedemikian, dengan sendirinya mengejapkan “Paksi Naratif”nya, “keghairahan mencapai impian”.

Dalam latar masa dan tempat yang kedua pula, analisis ini mendapati bahawa “Ruang Naratif” novel diisi dengan cerita-cerita berkisar tentang keghairahan Jalil menebus semula tanah peninggalan tersebut. Penting untuk dijelaskan, sewaktu di Kuala Lumpur, analisis ini mengenal pasti bahawa novel menceritakan bagaimana sikap materialistik Jalil semakin menebal. Ini dapat dilihat melalui perubahan impian hidup Jalil, yang pada asalnya hanya mahu menebus semula tanah pusaka, tetapi beralih kepada impian baharu yang lebih besar (dan boleh dikatakan rakus dan tamak), iaitu membeli keseluruhan tanah penduduk kampung bagi membina taman

tema peranginan. Impian baharu ini timbul apabila Pak Amat enggan menjual tanah tersebut dengan harga yang dipersetujui sewaktu janji dimeterai (Ghazali Lateh, 2009: 222). Adalah jelas bahawa impian awal Jalil yang pada awalnya boleh dikatakan murni iaitu menebus tanah sawah, kemudiannya secara drastik berubah kepada satu cita-cita besar yang menyerlahkan kerakusan dan ketamakan Jalil yang sudah melampaui impian asalnya (yang boleh dikatakan murni itu). Lebih mengukuhkan bacaan ini ialah cerita-cerita tentang kegusaran penduduk kampung terhadap impian Jalil membeli keseluruhan tanah penduduk kampung bagi membina taman tema peranginan. Novel pada bahagian akhir “Ruang Naratif”nya menceritakan bagaimana Jalil akhirnya berjaya mencapai impianya dengan membeli keseluruhan tanah kampungnya untuk mendirikan projek taman tema peranginan (Ghazali Lateh, 2009: 191-334). Dengan pengakhiran cerita yang sedemikian, analisis ini mendapati bahawa apa yang tertonjol dengan ketara daripada cerita-cerita yang mengisi “Ruang Naratif” novel ialah keghairahan protagonis dalam merealisasikan impianya yang bersifat kebendaan (materialisme) itu terutamanya apabila Jalil diceritakan tidak pernah pulang ke kampung untuk menjenguk ibunya sepanjang dia berada di Kuala Lumpur, seperti yang dapat dilihat dalam dua petikan di bawah:

...Jalil berasa dia telah mengabaikan tanggungjawab sendiri. Sudah beberapa tahun dia tidak kembali ke kampung [Garisan ditambah].
(Ghazali Lateh, 2009: 259)

Mak Teh hanya terdiam. Dia memandang kosong ke arah anaknya yang berbelas-belas tahun tidak pulang [Garisan ditambah].
(Ghazali Lateh, 2009: 309)

Cerita-cerita ini sekali gus memperkuatkan penampilan Jalil sebagai protagonis yang individualistik dan materialistik, yang telah dimabukkan oleh keghairahannya untuk mencapai apa yang diimpikannya. Dalam konteks analisis ini, adalah jelas bahawa pengisian “Ruang Naratif” novel dengan cerita-cerita sedemikian dengan sendirinya menegaskan “Paksi Naratif” *DLkP*, iaitu “keghairahan mengejar impian”.

Seterusnya, analisis ini mendapati bahawa “Paksi Naratif” iaitu “keghairahan mengejar impian” turut diperkuatkan melalui manipulasi watak-watak sampingan. Dalam konteks ini, “Ruang Naratif” novel diisi dengan kehadiran beberapa watak sampingan yang berperanan sebagai antagonis, antaranya watak Pak Ngah Kadir iaitu jiran kepada Jalil, dan memiliki dua anak iaitu Biah dan Kudin. Kehadiran watak Pak Ngah Kadir terutama perwatakannya yang jahat ke dalam “Ruang Naratif” novel adalah signifikan bagi menjelaskan “asal-mula cerita” yang mendorong kepada “impian” protagonis novel. Watak Pak Ngah Kadir, dihadirkan sebagai “haruan makan anak”. Dalam peribahasa Melayu, “haruan makan anak” ini merujuk kepada individu yang sanggup merogol atau memerkosa darah dagingnya (anaknya) sendiri, atau pada masa kini diungkapkan dengan istilah “sumbang mahram”. Sebagai “haruan makan anak”, Pak Kadir diceritakan menodai anak gadisnya sendiri iaitu Biah. Kejahatan Pak Ngah Kadir ini diceritakan melalui pengakuan Biah dalam surat yang diutuskannya kepada Jalil yang menceritakan bahawa Pak Ngah Kadir telah memerkosa dirinya (Ghazali Lateh, 2009: 124). Kejahatan Pak Kadir semakin ditonjokan apabila setelah dia melakukan sumbang mahram dengan anak gadisnya sendiri sehingga Biah hamil, dia kemudiannya memaksa Biah berkahwin dengan seorang lelaki bagi menutup perbuatan jahatnya itu. Disebabkan tidak mahu berkahwin dengan lelaki itu, Biah diceritakan lari ke Kuala Lumpur mengikut teman lelakinya, Muhsin (abang Jalil). Tindakan Muhsin melarikan Biah ini mencetuskan kemarahan Pak Ngah Kadir yang kemudiannya melampiaskan kemarahannya itu kepada keluarga Jalil, termasuk menghalau keluarga Jalil keluar daripada kampung serta mendorong ibu Jalil berpindah ke rumah baharu. Perpindahan ini semakin menguatkan tekad Jalil untuk menebus semula tanah sawah iaitu tempat rumah keluarganya sebelum dihalau keluar oleh Pak Ngah Kadir. Dengan cerita ini, dapat dikatakan bahawa Pak Kadir yang dihadirkan dalam “Ruang Naratif” novel sebagai watak sampingan yang jahat, sebenarnya memain peranan dalam memperkuatkan tekad protagonis dalam mencapai impianya dan sekali gus mengejapkan “Paksi Naratif” novel, “keghairahan mengejar impian”.

Selain watak Pak Ngah Kadir, novel turut mengisi “Ruang Naratif”nya dengan watak samping lain yang juga berperwatakan jahat iaitu Muhsin yang merupakan abang kepada Jalil. Merujuk kepada watak ini, novel mengisi watak Muhsin dengan sifat-sifatnya sebagai anak yang pemalas, tidak bertanggungjawab, kurang-ajar dan tidak menghormati ibu bapanya, pencuri, suka berfoya-foya, terlibat dengan penyalahgunaan dadah, dan penzina (melakukan zina). Novel menceritakan bahawa ketika Muhsin melarikan Biah ke Kuala Lumpur, dia kemudiannya mengambil kesempatan untuk menodai Biah. Dalam konteks penggembangan “Isian Cerita”, penampilan Muhsin sebagai watak jahat ini membolehkan novel untuk mencetuskan konflik iaitu apabila Pak Ngah Kadir mengamuk atas tindakan Mukhsin melarikan Biah ke Kuala Lumpur sehingga mendorongnya untuk menghalau keluarga Jalil keluar dari kampung, seperti yang telah dinyatakan di atas. Pada tahap ini, memadai untuk dikatakan bahawa penggembangan watak Muhsin yang jahat ini membolehkan novel untuk mencetuskan konflik, yang mendorong kepada dalam misi protagonis mengejar impianya. Dapat dikatakan bahawa baik Pak Ngah Kadir, mahu pun Muhsin, kedua-dua watak ini dimanipulasi bagi memperkuatkan “Paksi Naratif” novel, “keghairahan mengejar impian”.

Selain kedua-dua watak jahat di atas, “Ruang Naratif” *DLkP* turut diisi dengan satu lagi watak sampingan yang penting iaitu watak Mak Teh iaitu ibu kepada Jalil dan Muhsin. Sebagai seorang ibu, Mak Teh diceritakan bersikap pilih kasih kerana lebih menyayangi Muhsin berbanding Jalil. Mak Teh diceritakan bersikap bengis, kasar dan marah-marah apabila berkomunikasi dengan Jalil, dan sikap ini berbeza apabila dia bersama Muhsin. Sikap Mak Teh yang “pilih kasih” ini dengan sendirinya mencetuskan rasa tidak puas hatinya kepada Muhsin, terutamanya apabila Muhsin melarikan Biah dan perbuatannya itu menjadi punca kemarahan Pak Ngah kepada keluarga Jalil sehingga menghalau mereka keluar dari tanah sawah itu. Penting ditekankan bahawa keluarnya keluarga Jalil daripada tanah sawah itu yang kemudiannya membentuk keghairahan untuk menebus semula tanah tersebut, yang menjadi “Paksi Naratif” novel. Dalam konteks pengisian “Ruang Naratif” pula, kehadiran watak Mak Teh dengan perwatakan dengan sedemikian yang turut mempengaruhi hubungannya dengan Jalil, memainkan peranan dalam mewajarkan cerita-cerita tentang keengkaran Jalil terhadap permintaan ibunya supaya tinggal bersamanya di rumah baharu, dan tindakan Jalil yang tidak mengambil tahu tentang ibunya ketika dia tinggal di Kuala Lumpur, yang kesemuanya memainkan peranan dalam memperkuatkannya perwatakan Jalil sebagai watak protagonis yang individualistik dan materialistik. Kedua-dua perwatakan ini dilihat memainkan peranan yang signifikan dalam mengejapkan “Paksi Naratif” novel, “keghairahan mengejar impian”.

Dalam usaha memperhebatkan lagi keghairahan protagonis dalam mengejar impiannya, “Ruang Naratif” *DLkP* turut diisi dengan dua lagi watak sampingan iaitu Pak Lang Ali dan Pak Amat. Pak Lang Ali hadir dalam “Ruang Naratif” novel sebagai ejen atau orang tengah yang membolehkan tanah peninggalan arwah Pak Teh dijual oleh Mak Teh. Dengan terjual tanah tersebut, misi Jalil untuk mencapai impiannya menjadi lebih sukar kerana dia perlu menebus semula tanah sawah yang telah tergadai kepada pihak lain. Terkait dalam urusan penjual tanah tersebut, Pak Lang Ali juga ditonjolkan sebagai seorang penipu. Hal ini dapat dilihat menerusi cerita Pak Lang Ali menipu Mak Teh dengan melakukan “penyelewengan” (istilah novel) iaitu dengan mengambil separuh daripada hasil daripada jualan tanah tersebut (Ghazali Lateh, 2009: 60-64). Adalah jelas bahawa watak Pak Lang Ali juga hadir sebagai watak jahat termasuk apabila dia diceritakan berkomplot untuk menghalau Jalil supaya keluar daripada pondok yang didiaminya (secara bersendirian) di tanah sawah. Tindakan Pak Lang Ali disebabkan dia dihasut oleh Pak Ngah Kadir yang menghalau keluarga Jalil keluarga daripada tanah sawah itu. Demikian juga watak Pak Amat yang hadir dalam “Ruang Naratif” novel sebagai pembeli tanah yang dijual oleh Mak Teh. Ini bererti, setelah dijual oleh ibu Jalil, tanah sawah itu jatuh ke tangan Pak Amat. Seperti yang ada dinyatakan di atas, Pak Amat mengizinkan Jalil untuk membina pondok di atas tanah sawah yang didiaminya secara sendirian. Pada awalnya, Pak Amat juga berjanji kepada Jalil untuk menjual tanah sawah itu pada harga yang tertentu. Walau bagaimanpun, dia kemudiannya tidak mahu menjual tanah sawah tersebut pada kadar harga yang telah dijanjikan itu, dengan alasan harga tersebut rendah daripada harga pasaran semasa. Tindakan ini bukan sahaja menyerlahkan sifat tamak, tetapi turut menonjolkan watak Pak Amat sebagai seorang yang tidak berpegang kepada janji. Dalam konteks pengembangan “Isian Cerita” ke dalam “Ruang Naratif” novel, kehadiran watak Pak Amat dengan perwatakan yang sedemikian memainkan peranan dalam menyemarakkan sikap rakus dan tamak protagonis, terutamanya apabila Jalil dicerita begitu marah dengan tindakan Pak Amat (yang tidak mahu menjual tanahnya pada harga yang dijanjikan dulu), dan bertekad untuk membeli seluruh tanah penduduk kampung untuk dijadikan sebagai taman tema peranginan. Pada tahap ini, memadai untuk dikatakan bahawa peranan Pak Amat dilihat signifikan dalam mengejapkan lagi “Paksi Naratif” dalam “Ruang Naratif” *DLkP*.

“Ruang Naratif” novel turut diisi dengan pengembangan watak antagonis lain, iaitu Kudin dan Rosman. Sebagai watak antagonis, analisis ini mendapati bahawa kedua-dua watak ini digembrelleng bagi menghadirkan halangan kepada protagonis dalam mencapai impian. Hal ini jelas pada peristiwa Rosman, Kudin dan rakan-rakan mereka yang mengganggu ketenteraman Jalil sewaktu tinggal bersendirian di tanah sawah, selain memukul protagonis itu (Ghazali Lateh, 2009: 19, 109-110). Analisis ini turut mengenal pasti strategi novel bagi memperhebatkan lagi halangan kepada protagonis, iaitu dengan mengubah perhubungan watak Jalil-Kudin, daripada sahabat kepada musuh. Seiring dengan perubahan ini, novel menghadirkan watak Kudin sebagai seorang yang pemarah, dendam, dengki dan benci kepada Jalil melalui dua peristiwa. Pertama, sewaktu protagonis ini tinggal sendirian dalam pondok di tanah sawah dan Kudin menabur kaca di persekitaran pondok dengan niat supaya dipijak oleh Jalil (Ghazali Lateh, 2009: 92-94). Kedua, Kudin mengetuai kumpulan penduduk kampung yang menentang impian Jalil membeli seluruh tanah kampung untuk dijadikan taman tema peranginan. Apa yang jelas, halangan-halangan yang diberikan oleh kedua-dua watak ini diceritakan lebih menyemarakkan keghairahan protagonis untuk mengapai impiannya. Justeru, dapat dikatakan bahawa kehadiran kedua-dua watak jahat, iaitu Rosman dan Kudin dalam “Ruang Naratif” *DLkP* telah mengejapkan lagi “Paksi Naratif”, “keghairahan mengejar impian”.

Analisis pada tahap ini berusaha untuk memperlihatkan bagaimana aspek Watak telah dimanipulasi sebagai “Isian Cerita” bagi mengisi secara dominan “Ruang Naratif” *DLkP*. Manipulasi aspek Watak ini jelas tertumpu pada strategi untuk menonjolkan perwatakan protagonisnya, Jalil yang negatif dengan sifat individualistik dan

materialistiknya termasuk kesediaannya menghalalkan segala cara (*mean*) demi mencapai matlamatnya (*end*). Dengan itu, apa yang jelas tertonjol daripada kehadiran serta manipulasi watak protagonis ini ialah tingkah lakunya yang tidak bermoral. Tidak kurang penting ialah kemasukan sejumlah watak-watak samping seperti Pak Ngah Kadir, Mak Teh, Pak Lang Ali, Pak Amat, Muhsin, Rosman, dan Kudin ke dalam “Ruang Naratif” novel, yang kesemuanya tampil dengan sifat-sifat jahat. Dengan manipulasi aspek Watak yang sedemikian, analisis ini mendapatkan bahawa “Ruang Naratif” *DLkP* didominasi dengan paparan-paparan kejahatan termasuk perbuatan-perbuatan yang jelas tidak bermoral atau sekurang-kurangnya boleh diraguinya nilai moralnya. Dari segi pembinaan cerita, dominasi paparan-paparan cerita kejahatan dan tidak bermoral ini jelas menegakkan “Paksi Naratif”nya iaitu “keghairahan mengejar impian”.

Manipulasi Aspek Plot

Selain aspek Watak, analisis ini turut mendapati bahawa pengisian “Ruang Naratif” novel *DLkP* juga melibatkan manipulasi aspek Plot sebagai “Isian Cerita” yang dapat mengejapkan lagi “Paksi Naratif” novel, iaitu “keghairahan mengejar impian”. Dalam hal ini, analisis ini mengenal pasti bahawa pembinaan plot *DLkP* yang berpaksikan “penebusan tanah”, dibina berdasarkan pola “cerita penggembalaan” atau *quest story*. Pola ini merujuk kepada cerita yang menampilkan watak protagonisnya sebagai “penggembala” yang digalaskan ke atas bahunya satu misi yang akan menetapkan “destinasi penggembalaannya” serta “alasan penggembalaannya” yang jelas dan kuat untuk mendorong protagonis itu “bergerak” ke arah “destinasi penggembalaannya” itu. Dalam “penggembalaan”nya itu, si “penggembala” (watak protagonis) itu yang menempuh halangan demi halangan sebelumnya akhirnya dia berjaya sampai ke “destinasi penggembalaannya”. Pola “cerita penggembalaan” (*quest story*) yang diguna pakai oleh *DLkP* ini tercermin dengan jelas pada “Paksi Naratif”nya iaitu “keghairahan mengejar impian”. Dapat difahami di sini bahawa dalam *DLkP*, “penggembala” menurut pola “cerita penggembalaan” adalah merujuk kepada watak protagonisnya, Jalil. Manakala, “destinasi penggembalaannya” pula merujuk kepada impian Jalil untuk menebus tanah sawah yang tergadai, dengan amanat arwah bapanya (yang meminta dia menebus kembali tanah sawah itu) menjadi “alasan penggembalaannya” yang jelas dan kuat untuk mendorong Jalil mengapai impiannya itu, meskipun dihalang oleh pelbagai cabaran yang hadir dalam bentuk kejahatan yang dilakukan oleh watak-watak sampingan.

Dari segi pembinaan aspek Plot, analisis ini mendapati bahawa pemilihan pola “cerita penggembalaan” (*quest story*) ini memainkan peranan dalam membentuk plot ceritanya yang masih dibina secara konvensional dengan melibatkan empat tahap iaitu (1) Pengenalan, (2) Perkembangan, (3) Klimaks, dan (4) Peleraian/Penamatian Cerita.

Pada tahap (1) Pengenalan, “Ruang Naratif” *DLkP* diisi dengan cerita yang memperkenalkan Jalil sebagai watak protagonis yang menggalas amanat arwah bapa supaya dia menebus semula tanah sawah yang menjadi tempat tinggal keluarganya. Dalam tahap plot ini, “Ruang Naratif” novel diisi dengan peristiwa-peristiwa yang mendorong dia menjadikan soal menebus semula tanah tersebut sebagai “impian hidup”nya terutamanya apabila ibunya mengambil keputusan menjual tanah sawah tersebut untuk berpindah ke tempat tinggal yang baharu. Bagi memungkinkan tindakan ibu Jalil ini, novel turut mencetuskan konflik-konflik dalam plotnya iaitu konflik “Pak Ngah Kadir *versus* Biah” yang tercetus apabila Pak Ngah menodai anaknya, Biah dan memaksa Biah berkahwin bagi menutup kejahatannya sehingga mendorong Biah melarikan diri ke Kuala Lumpur mengikut Muhsin. Selain itu ialah konflik “Muhsin & Biah *versus* Pak Ngah Kadir” yang tercetus apabila Pak Ngah Kadir marah dengan tindakan Muhsin yang menyebabkan dia menghalau Jalil sekeluarga keluar dari tanah sawah mereka, yang akhirnya mendorong ibu Jalil menjual tanah sawah itu kepada Pak Amat. Dalam konteks pola “cerita penggembalaan” (*quest story*), tahap Pengenalan (dalam plot) ini bertujuan untuk memperkenalkan serta mempersiapkan watak Jalil sebagai “penggembala” yang bakal menggalas satu “misi penggembalaan”nya yang menjadi impian hidupnya, iaitu menebus tanah sawah milik keluarganya, yang juga menjadi “alasan penggembalaan” yang jelas dan kuat untuk mendorong Jalil untuk “bergerak” ke arah “destinasi penggembalaannya”, iaitu mencapai impiannya untuk menebus tanah sawah keluarganya. Dari segi pengisian “Ruang Naratif”, tahap Pengenalan (dalam plot) ini membolehkan “Ruang Naratif” diisi dengan paparan-paparan kejahatan atau perbuatan tidak bermoral yang dilakukan oleh watak-wataknya sebagaimana yang telah dijelaskan di atas. Paparan-paparan kejahatan atau perbuatan tidak bermoral ini didapati hadir seiring dengan usaha novel untuk mengejapkan “Paksi Naratif”nya, “keghairahan dalam mengejar impian”.

Pada tahap seterusnya iaitu (2) Perkembangan Cerita, analisis ini mendapati bahawa “Ruang Naratif” novel diisi dengan peristiwa-peristiwa yang menghalang Jalil untuk merealisasikan impian hidupnya iaitu menebus tanah sawah. Bagi mencapai maksud ini, plot novel pada tahap Perkembangan Cerita ini sekali lagi mencetuskan konflik, kali ini antara Jalil dengan Mak Teh yang memperlihatkan Jalil menentang keputusan ibunya itu dan membiarkan ibunya berpindah seorang diri dan berkeras untuk tinggal bersendirian dalam pondok di tanah sawah yang telah dijual itu. Dengan tercetusnya konflik ini, plot pada tahap (2) Perkembangan ini diisi dengan pelbagai peristiwa yang boleh menghalang dia daripada mencapai impiannya, iaitu peristiwa Kudin menabur kaca di pondoknya, peristiwa Rosman memecahkan lampu minyak tanah supaya Jalil tinggal di dalam

pondoknya itu dalam keadaan gelap, peristiwa kesedihan Jalil kerana kematian sahabatnya, Tohid (kawan baik Jalil) yang sedikit sebanyak menghilangkan keceriaan dalam kehidupannya yang sudah sedia bergolak itu, selain halangan-halangan dalam bentuk kelaparan, ketiadaan wang terutamanya untuk membayar yuran peperiksaan. Termasuk dalam halangan ini ialah apabila Pak Amat mungkir janji tentang harga tebus tanah yang ingin ditebus oleh Jalil dan tentang penduduk kampung yang diketuai oleh Kudin terhadap impian Jalil membeli tanah penduduk kampung untuk dijadikan taman tema peranginan. Dalam konteks pola “cerita penggembaraan” (*quest story*), tahap (2) Perkembangan (dalam plot) ini bertujuan untuk menghadirkan halangan demi halangan yang terpaksa ditempuh oleh watak Jalil sebagai “penggembira” sebelumnya akhirnya dia berjaya sampai ke “destinasi penggembaraannya”, iaitu mencapai impiannya untuk menebus tanah sawah keluarganya. Dari segi pengisian “Ruang Naratif”, tahap (2) Perkembangan (dalam plot) ini membolehkan “Ruang Naratif” diisi dengan lebih banyak paparan-paparan kejahanatan dan perbuatan tidak bermoral, terutamanya yang dilakukan oleh watak-watak sampingan dengan tujuan untuk mengagalkan misi protagonis novel. Sekali lagi, paparan-paparan kejahanatan atau perbuatan tidak bermoral ini didapati hadir seiring dengan usaha novel untuk mengejapkan “Paksi Naratif”nya, “keghairahan dalam mengejar impian”.

Seterusnya, pada Tahap (3) Klimaks, analisis ini mendapati bahawa “Ruang Naratif” novel diisi dengan peristiwa kejayaan Jalil membeli keseluruhan tanah penduduk kampung untuk membangunkan projek taman tema peranginan. Cerita kejayaan Jalil ini dengan sendirinya bererti bahawa dia telah mampu melalui halangan demi halangan yang telah menyukarkan misinya untuk mencapai impiannya iaitu menebus tanah sawah keluarganya. Dalam konteks pola “cerita penggembaraan” (*quest story*), tahap (3) Klimak (dalam plot) ini bertujuan untuk merungkaikan semua halangan bagi membolehkan watak Jalil sebagai “penggembira” sampai ke “destinasi penggembaraan” iaitu menebus tanah sawah keluarganya, dengan jayanya. Berkaitan dengan impian ini, novel memilih untuk menggandakan “kejayaan” Jalil sebagai “penggembira” yang bukan sahaja berjaya menebus tanah sawah (yang menjadi impian asalnya), bahkan berjaya pula membeli keseluruhan tanah penduduk kampung untuk dijadikan sebagai taman tema peranginan.

Akhir sekali pada Tahap (4) Peleraian/Penamatian Cerita, analisis ini mendapati bahawa “Ruang Naratif” novel diisi dengan peristiwa-peristiwa yang merupakan rentetan daripada kejayaannya merealisasikan impiannya untuk menebus tanah sawah milik keluarganya, termasuk membeli seluruh tanah penduduk kampung bagi pembinaan taman tema peranginan. Antaranya, peristiwa Jalil membina rumah untuk ibunya, peristiwa perasmian taman tema peranginan miliknya, dan akhirnya dia berkahwin dengan wanita pilihannya. Dalam konteks pola “cerita penggembaraan” (*quest story*), tahap (4) Peleraian/Penamatian Cerita (dalam plot) ini bertujuan untuk merayakan kejayaan watak Jalil sebagai “penggembira” yang berjaya menebus tanah sawah keluarganya (iaitu, “destinasi penggembaraan”) setelah melalui satu demi satu halangan. Dari segi pembinaan aspek Plot, bahagian ini sekali gus telah melengkapkan rantaian jalinan peristiwa yang akhirnya membina sebuah cerita yang sempurna.

Analisis di atas mendapati bahawa aspek Plot telah dimanipulasi sebagai “Isian Cerita” yang mengisi secara dominan “Ruang Naratif” *DLkP*. Lebih khusus, manipulasi aspek Plot ini jelas distategikan untuk memperkuuhkan manipulasi aspek Watak terutamanya protagonisnya, Jalil yang tampil dengan perwatakan yang individualistik dan materialistik termasuk menghalalkan apa sahaja caranya demi mencapai impiannya. Justeru, apa yang jelas mengisi “Ruang Naratif” *DLkP* ialah manifestasi tingkah laku protagonisnya yang tidak bermoral. Semakin menonjolkan paparan kejahanatan dan perbuatan tidak bermoral dalam “Ruang Naratif” novel ialah manipulasi watak-watak sampingan yang sebahagian besarnya hadir sebagai watak-watak jahat dengan peranan mereka untuk mengagalkan misi protagonis dalam mengapai impiannya. Dominasi paparan kejahanatan dan perbuatan tidak bermoral turut dimungkinkan dengan manipulasi aspek Plot yang menerapkan pola “cerita penggembaraan” (*quest story*). Dengan pola ini, paparan kejahanatan dan perbuatan tidak bermoral hadir sebagai halangan demi halangan yang mesti ditempuh oleh watak protagonis dalam mencapai impiannya, iaitu satu komponen penting dalam pola “cerita penggembaraan” (*quest story*).

Kedudukan “Ilmu” dalam Novel Dari Lembah ke Puncak

Berdasarkan kepada hasil-hasil analisis yang diperolehi di atas, adalah jelas bahawa “Ruang Naratif” *DLkP* diisi dengan “Isian Cerita”, dan bukannya “Isian Wacana”. Ketiadaan “Isian Wacana” ini dikenal pasti daripada tiadanya hujah idea pengarang yang terbina daripada hujah intelektual pengarang yang dibangunkan secara ilmiah menerusi huraian dan penghujahan yang mantap.

Merujuk kepada “Isian Cerita” yang mendominasi “Ruang Naratif” *DLkP* pula, hasil analisis di atas dengan jelas mendapati bahawa novel telah memanipulasi aspek watak dan aspek plot sebagai alat-alat penceritaan yang digembung bagi mencetus, mengembang, dan mengekalkan perkembangan cerita. Manipulasi watak ini menyerlahkan strategi novel untuk menonjolkan cerita-cerita tentang seorang anak yang terlalu ghairah dalam mengejar impiannya sehingga akhirnya membina keperibadiannya yang individualistik dan materialistik,

termasuk menghalalkan segala cara asalkan impiannya itu terlaksana sehingga sanggup menderhaka kepada ibunya sendiri.

Bagi memperhebatkan lagi penonjolan cerita tentang kejahatan dan perbuatan tidak bermoral ini, novel turut memanipulasi aspek plot yang digembleng dengan melalui jalinan peristiwa yang disusun bagi memaparkan kejahatan (halangan) demi kejahatan (halangan) yang dilakukan oleh watak-watak sampingan dalam misi mereka untuk menghalang protagonis dalam menggapai impiannya. Pengisian “Ruang Naratif” dengan “Isian Cerita” melalui aspek watak dan aspek plot yang dimanipulasi sedemikian itu, dan sekali gus menonjolkan soal kejahatan dan perbuatan dalam novel *DLkP*. Penonjolan ini sejajar dengan “Paksi Naratif”nya iaitu “keghairahan mengejar impian” yang mendorong watak protagonisnya untuk melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak bermoral, selain watak-watak sampingan yang melakukan kejahatan bagi menggagalkan impian protagonis itu.

Berdasarkan hujahan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa kandungan novel *DLkP* didominasi oleh “Isian Cerita” (cerita) dan bukannya “Isian Wacana” (ilmu). Ketiadaan ilmu dalam novel *DLkP* ini jelas apabila novel memusatkan perhatiannya hanya untuk membangun, mengembangkan dan menyemarakkan cerita semata-mata, bukannya ilmu. Dalam erti kata lain, novel *DLkP* hanya mengandungi cerita dan bukannya ilmu.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, hasil-hasil analisis di atas mengenal pasti bahawa novel *DLkP* telah mengetengahkan “keghairahan mengejar impian” sebagai “Paksi Naratif” novel. Dengan “Paksi Naratif” tersebut, “Ruang Naratif” diisi sepenuhnya dengan “Isian Cerita” yang dimanipulasikan melalui aspek watak dan plot yang keseluruhannya penceritaan novel tertumpu kepada keghairahan watak protagonisnya untuk melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak bermoral demi mengejar impiannya, selain diperkuuhkan dengan watak-watak sampingan yang melakukan kejahatan bagi menggagalkan impian protagonis itu. Inilah intipati kandungan novel *DLkP*. Apa yang jelas, kecenderungan ketara novel mengisi “Ruang Naratif” dengan “Isian Cerita” semata-mata telah mengakibatkan penggembelangan “Isian Wacana” telah terabai. Ini menyimpulkan bahawa pendirian utama novel adalah untuk menyampaikan cerita dan membikin cerita, bukan sebaliknya iaitu menyampaikan ilmu. Selain hanya mengandungi cerita dan bukannya ilmu, kandungan cerita yang diketengahkan pula mengandungi unsur-unsur negatif dan tidak bermoral, yang tidak sesuai dijadikan tauladan kepada murid-murid. Nilai materialistik dan penderhakaan ke atas ibu demi mengejar impiannya yang ditonjolkan menerusi watak protagonis ketara ditonjolkan sepanjang penceritaan novel. Pada tahap ini penting untuk dijelaskan bahawa penerapan PB sebagai kerangka analisis terhadap teks novel *DLkP* memperlihatkan hasil dapatan yang bertentangan dengan kenyataan KPM yang memperakarkan bahawa novel *DLkP* mengandungi ilmu yang mampu mendorong murid-murid berfikir tentang “kebaikan, kebenaran, kehalusan budi pekerti, kesantunan bahasa, kecekalan hati, keindahan seni, dan seterusnya menghargai kehidupan dan nilai kemanusiaan”. Berasaskan kajian ini, dapat disimpulkan bahawa kenyataan KPM tersebut masih dapat dipertikaikan keabsahannya. Selain itu, hasil dapatan kajian ini juga membuktikan bahawa PB dapat diaplikasikan sebagai kerangka bacaan alternatif ke atas teks-teks mata pelajaran KM yang lain bagi memperkayakan lagi korpus penyelidikan pendidikan kesusastraan Melayu, khususnya dalam usaha mengenal pasti dan merumuskan kedudukan “ilmu” dalam sesebuah karya sastera.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Haji Omar. (2011, September 22). Tema dan persoalan-persoalan novel Dari Lembah Ke Puncak (Ghazali Lateh). Dicapai dari <http://azmar-pb.blogspot.com/2011/09/tema-dan-persoalan-persoalan-novel-dari.html>
- Culler, J. (1975). *Structuralist Poetic*. London: Routledge and Kegan Paul.
- Ghazali Lateh. (2009). *Dari Lembah ke Puncak: Novel Kesusastraan Melayu KBSM Tingkatan 4 & 5*. Shah Alam: Cerdik Publications. Sdn. Bhd.
- Ghazali Lateh. (2007, Ogos 11). Memulakan projek penulisan baharu. Dicapai dari <https://glateh.blogspot.com/2007/08/memulakan-projek-penulisan-baharu.html>
- Md. Ishak A. Rahman. (2014). *Diskusi Apresiasi Teks Kesusastraan Melayu KBSM: Jeriji Kasih*. Shah Alam: Cerdik Publications Sdn. Bhd.
- Mohd. Affandi Hassan. (2010). Mengembalikan Peranan Ilmu yang Benar dalam Persuratan Melayu. Dlm Ungku Maimunah Mohd. Tahir (Pnyt.), *Kedudukan Ilmu dalam Kesusastraan: Teori dan Praktis* (2010). Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Affandi Hassan et al. (2008). *Gagasan Persuratan Baru: Pengenalan dan Penerapan*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Affandi Hassan. (1992). *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd. Zariat Abdul Rani, (2010). Ilmu dan Penjanaan Ilmu dalam Novel Melati Kota Bharu karya A. Kadir Adabi: Satu Bacaan Intelektual. Dlm Ungku Maimunah Mohd. Tahir (Pnyt.), *Kedudukan Ilmu dalam Kesusastraan: Teori dan Praktis* (2010). Bangi: Institut Alam Dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. (2004). *Seksualiti dalam Novel Melayu: Satu Analisis Teks Berdasarkan Persuratan Baru*. Tesis Doktor Falsafah. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syarifah Maimunah Mohd. Zain. (Februari 2000). Menikmati dan Mengapresiasikan Sastera. *Dewan Sastera*, 22-23.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2012). Apabila Teori Feminis Ternyata Tidak Diperlukan: Satu Kajian Kes. *GEMA OnlineTM Journal of Language Studies*, 12(4), 1213-1227.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2010a). Takrif dan Pemahaman “Ilmu” dalam Tradisi Sastera Barat.” Dalam Ungku Maimunah Mohd. Tahir (Pnyt.), *Kedudukan Ilmu dalam Kesusastraan: Teori dan Praktis* (2010). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2010b). Cerita: Kedudukan dan Peranannya dalam Karya Kreatif Penulis Wanita Sebelum Merdeka. *GEMA OnlineTM Journal of Language Studies*, 10(2), 117-131.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir.(2009). *Dinamika Pemikiran Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2007). *Kritikan Sastera Melayu: Antara Cerita dengan Ilmu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.